



قجابت ستيا وسها دراجا، جوهر بهاكين. خدمت قشوروسر.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR  
Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71  
Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)  
Laman Web: www.johor.gov.my/sukj

Rujukan Kami : SUKJ. BKP. 600-8/1/4 ( )  
Tarikh : 22 Mei 2020  
29 Ramadhan 1441H

**Semua Ketua Jabatan Negeri Johor  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Johor  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor  
Semua Ketua Pegawai Badan Berkanun / Persekutuan Negeri Johor  
Semua Ketua Syarikat Negeri / Persekutuan Negeri Johor  
Semua Ketua Anak Syarikat Negeri / Persekutuan Johor**

Yang Berhormat Dato' / YBM Tunku/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PELANCARAN RASMI DAN PANDUAN PENGGUNAAN  
APLIKASI JEJAK KONTAK KOMUNITI NEGERI JOHOR (JEJAK JOHOR)**

Dengan segala hormat saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor pada 21 Mei 2020 telah melancarkan aplikasi jejak kontak komuniti, dijenamakan sebagai Jejak Johor bagi tujuan untuk memudahkan pengesanan kontak dalam mencegah penularan wabak COVID-19.

3. Aplikasi Jejak Johor ini berupaya membantu mengesan kontak, sekali gus menyekat serta mencegah penularan COVID-19 di negeri ini dengan menggunakan gabungan teknologi pengesanan dan platform analisis data Iskandar Malaysia Urban Observatory COVID-19 Crisis (IMUOCC).

4. Aplikasi Jejak Johor ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Program Pembangunan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Aplikasi komuniti berteraskan penjejakan kontak bagi meminimumkan penyebaran virus Covid19 ini bercirikan maklumat seperti berikut:

- 4.1 Jejak Johor boleh dimuat turun secara sukarela bagi membantu proses pengesanan kontak.
- 4.2 Aplikasi berasaskan pengesanan kontak automatik ini menggunakan teknologi bluetooth di mana pengesanan tidak perlu dilaksanakan secara manual bagi individu, pejabat mahupun perniagaan.
- 4.3 Aplikasi ini dibangunkan khas untuk bangsa Johor khas untuk kegunaan di dalam Negeri Johor.

4.4 Pengguna aplikasi Jejak Johor ini akan hanya dikenali menerusi satu identiti atau ID unik. Hanya maklumat nombor telefon berdaftar pengguna disimpan dalam aplikasi ini supaya mudah dihubungi oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor untuk penghantaran notifikasi yang berkaitan, jika perlu.

5. Justeru, semua ketua-ketua jabatan agensi Kerajaan Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Johor adalah digalakkan untuk meghebahkan kepada umum dan memastikan setiap kakitangan mengaktifkan aplikasi Jejak Johor ini. Panduan hebahan dan penggunaan aplikasi Jejak Johor ini boleh dimuat turun di <https://www.johor.gov.my/jejak-johor> .

Sekian untuk kerjasama dan tindakan Yang Berhormat Dato'/ YBM Tunku/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengcan ucapan terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI MOHD NOH BIN IBRAHIM)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor